

## **KAJI SELIDIK INDEKS GAYA PEMBELAJARAN**

*Sukacita dimaklumkan anda telah dipilih untuk kajian ilmiah ini yang bertujuan mendapatkan fakta berhubung dengan gaya pembelajaran yang menjadi keutamaan anda, khususnya dalam mata pelajaran Fizik. Segala maklumat yang diberi adalah sulit dan oleh itu kerjasama anda dalam menjawab soalan kajian secara ikhlas dan jujur amatlah dihargai. Sila gunakan lampiran 1 untuk menjawab soal selidik yang terdiri daripada 2 bahagian iaitu Bahagian A dan B. **KERJASAMA DIPERLUKAN AGAR TIDAK MENULIS SEBARANG CATATAN PADA KERTAS INI.** Sekian. Terima kasih.*

1. Saya memahami sesuatu perkara itu dengan lebih baik setelah saya
  - a) mencuba perkara tersebut
  - b) memikirkan perkara tersebut sedalam-dalamnya.
  
2. Saya lebih suka disifatkan sebagai seorang yang
  - a) bersifat menunjukkan keadaan yang sebenar
  - b) sentiasa ingin mencipta atau mencuba sesuatu yang baru
  
3. Apabila saya cuba mengingat kembali peristiwa semalam, saya lebih suka memikirkannya dalam bentuk
  - a) gambaran
  - b) perkataan
  
4. Saya lebih memahami
  - a) sesuatu perkara secara terperinci tetapi kurang jelas tentang struktur keseluruhannya
  - b) sesuatu perkara secara menyeluruh tetapi kurang jelas tentang perincian

5. Apabila mempelajari sesuatu yang baru, saya gemar
  - a) berbincang mengenai perkara tersebut dengan kawan
  - b) memikirkan sahaja perkara tersebut dengan senyap
  
6. Andaikan saya seorang guru, saya lebih gemar mengajar sesuatu
  - a) yang berkaitan dengan kehidupan seharian
  - b) yang berkaitan dengan idea dan teori
  
7. Saya lebih gemar menerima maklumat baru dalam bentuk
  - a) gambar, diagram, graf atau peta
  - b) panduan bertulis atau arahan secara lisan
  
8. Apabila saya memahami
  - a) semua aspek atau bahagian dalam sesuatu perkara, saya akan lebih memahami seluruh perkara tersebut sepenuhnya
  - b) sesuatu perkara secara keseluruhannya, saya akan dapat memahami hubungkait aspek-aspek atau bahagian-bahagian dalam perkara tersebut.
  
9. Apabila terlibat dalam sesuatu kumpulan perbincangan saya akan
  - a) mengambil bahagian dan menyumbangkan idea
  - b) berdiam diri dan mendengar sahaja
  
10. Saya mendapati adalah lebih mudah
  - a) mempelajari fakta atau sesuatu yang benar-benar berlaku
  - b) mempelajari konsep atau perkara yang berkaitan dengan idea-idea

11. Dalam sesebuah buku yang mengandungi banyak gambar, carta atau ilustrasi, saya akan
  - a) meneliti gambar dan carta tersebut
  - b) meneliti teks atau penerangan secara bertulis
  
12. Ketika menyelesaikan sesuatu masalah matematik
  - a) kebiasaannya saya menyelesaikan secara berperingkat
  - b) kerap kali saya mendapati sukar untuk memikirkan jalan kerjanya walaupun saya tahu jawapan kepada masalah tersebut.
  
13. Di dalam kelas
  - a) lebih mengenali ramai kawan-kawan
  - b) jarang sekali saya dapat berkenalan dengan kawan-kawan
  
14. Ketika membaca bahan buku fiksyen, saya lebih suka kandungan teksnya
  - a) yang memberi maklumat baru atau penerangan cara-cara melakukan sesuatu perkara
  - b) yang dapat membantu saya memikirkan idea baru
  
15. Saya suka guru yang mengajar dengan
  - a) melukis banyak gambar dan rajah di papan hitam
  - b) menghabiskan banyak masa memberi penerangan sahaja
  
16. Apabila membaca sesuatu karya atau penulisan, saya gemar
  - a) membayangkan peristiwa yang terbabit dan cuba memikirkan temanya

- b) membuat kesimpulan mengenai temanya setelah selesai pembacaan dan kemudiannya cuba mencari peristiwa yang berkaitan.
17. Apabila memulakan sesuatu penyelesaian masalah, biasanya saya akan
- a) mencari jalan penyelesaian secepat mungkin
  - b) cuba memahami masalah tersebut dengan sepenuhnya terlebih dahulu
18. Saya lebih suka dengan idea-idea yang berkaitan dengan
- a) sesuatu yang benar-benar berlaku
  - b) teori atau prinsip-prinsip am
19. Saya lebih mengingat
- a) sesuatu yang saya lihat
  - b) sesuatu yang saya dengar
20. Pada pendapat saya, seseorang pembimbing perlu
- a) menerangkan sesuatu perkara dengan cara yang jelas dan tersusun
  - b) memberikan gambaran menyeluruh tentang sesuatu perkara dan kemudian membuat hubungkait dengan perkara-perkara lain.
21. Saya lebih suka belajar
- a) dalam kumpulan
  - b) bersendirian

22. Saya disifatkan sebagai seorang yang
- a) teliti dalam menghasilkan kerja saya
  - b) kreatif dalam cara saya menyelesaikan kerja saya
23. Apabila diberi panduan ke sesuatu tempat saya lebih suka diberikan
- a) peta
  - b) panduan yang bertulis
24. Saya belajar secara
- a) konsisten pada kadar yang agak lambat tetapi jika saya belajar dengan bersungguh-sungguh saya akan 'dapat'
  - b) tidak sistematik dan ada kalanya saya mendapat sesuatu idea atau celik akal secara tiba-tiba apabila berhadapan dengan masalah yang sukar
25. Saya lebih suka memulakan sesuatu dengan
- a) mencuba terus perkara tersebut tanpa berfikir
  - b) berfikir dahulu bagaimana cara melakukannya
26. Apabila saya membaca sesuatu penulisan atau karya, saya suka penulis yang
- a) menyatakan dengan jelas maksud mereka
  - b) menyatakan sesuatu perkara secara kreatif dan menarik
27. Apabila saya melihat carta atau lakaran di dalam kelas, saya lebih mudah mengingati
- a) gambarnya sahaja
  - b) apa yang dikatakan tentang gambar itu

28. Apabila membaca sesuatu maklumat utama dan penting saya suka
- a) meneliti maklumat itu secara terperinci tanpa mengambil kira gambaran keseluruhannya
  - b) cuba memahami gambaran keseluruhannya sebelum meneliti secara terperinci dan mendalam
29. Saya lebih mudah mengingati
- a) sesuatu yang telah saya lakukan
  - b) sesuatu yang saya telah fikirkan secara mendalam
30. Apabila saya diminta melaksanakan satu tugas, saya lebih suka melakukannya
- a) dengan hanya menguasai satu cara sahaja
  - b) dengan pelbagai cara baru yang saya peroleh
31. Saya lebih suka melihat data-data yang mengandungi
- a) carta dan graf
  - b) ringkasan teks sahaja
32. Apabila menghasilkan sesuatu penulisan, saya lebih suka
- a) menumpukan kepada bahagian permulaannya dan kemudian cuba menghuraikan secara berperingkat
  - b) memikir atau menulis dari pelbagai bahagian atau aspek dan kemudian menyusunnya semula

33. Apabila bekerja secara berkumpulan untuk menyiapkan projek, saya lebih gemar
- a) setiap orang ahli menyumbangkan pendapat atau idea masing-masing semasa perbincangan dalam kumpulan
  - b) setiap orang ahli memikirkan idea secara sendiri di rumah dan kemudian berkumpul dalam kumpulan untuk membandingkan idea masing-masing.
34. Saya lebih memandang tinggi kepada seseorang yang
- a) peka dan prihatin
  - b) daya imaginasi tinggi
35. Apabila saya menemui seseorang di dalam parti atau majlis, saya lebih mudah mengingati
- a) bagaimana rupa mereka
  - b) apa yang mereka katakan tentang diri mereka
36. Apabila saya mempelajari subjek baru, saya lebih suka
- a) memberi tumpuan sepenuhnya kepada subjek itu dan mempelajari sedalam-dalamnya
  - b) cuba untuk menghubungkan subjek tersebut dengan subjek yang berkaitan
37. Saya lebih suka dianggap
- a) mudah mesra atau 'outgoing'
  - b) pendiam

38. Saya lebih gemar pelajaran yang menekankan
- a) sesuatu yang konkrit iaitu yang bersifat kebendaan dan nyata
  - b) sesuatu yang abstrak iaitu yang tidak dapat dilihat atau dirasai
39. Sebagai hiburan, saya lebih suka
- a) menonton televisyen
  - b) membaca buku
40. Sesetengah guru memulakan pengajaran mereka dengan garis panduan yang akan mereka ajar. Garis panduan ini
- a) kadang-kadang membantu saya
  - b) sangat atau amat membantu saya
41. Idea untuk melakukan sesuatu kerja secara berkumpulan
- a) menarik minat saya
  - b) tidak menarik minat saya
42. Apabila saya melakukan mengiraan yang panjang
- a) saya sanggup mengulangi semua langkah atau cara dan meneliti kerja dengan berhati-hati atau perlahan-lahan
  - b) saya merasakan meneliti kerja itu sangat meletihkan dan saya terpaksa mendesak diri saya untuk melakukannya



43. Saya dapat menggambarkan tempat yang pernah saya lawati
- a) dengan mudah dan hampir atau agak tepat
  - b) secara sukar dan tanpa terperinci atau ketelitian
44. Apabila menyelesaikan masalah-masalah di dalam kumpulan, saya lebih suka
- a) memikirkan jalan kerja dalam proses penyelesaian masalah itu
  - b) memikirkan beberapa kemungkinan atau aplikasi dalam penyelesaian itu secara meluas